

**PELESTARIAN SYAIR MENERUSI
PROGRAM TELEVISYEN 'PUI SI
NUSANTARA' DI MUSIM PANDEMIK
COVID-19**
*(PRESERVATION OF SYAIR THROUGH
TELEVISION PROGRAMME 'PUI SI
NUSANTARA' DURING COVID-19 PANDEMIC)*

Shafa'Atussara Silahudin
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur

Email: syafasara@um.edu.my

(Dihantar: 14 Oktober 2021; Diterima: 18 Disember 2021)

Abstrak

Kajian ini melihat usaha pelestarian syair yang dilakukan oleh sebuah produksi tempatan iaitu Artwerk Production Sdn. Bhd. menerusi program 'Puisi Nusantara'. Program ini disiarkan di saluran televisyen tempatan di musim pandemik COVID-19. Sebagai pengenalan ringkas, syair merupakan puisi Melayu tradisional yang telah lama wujud dalam dunia Melayu. Dengan perkembangan teknologi pada hari ini, puisi syair dapat disebarkan kepada masyarakat secara lebih meluas. Buat pertama kali, usaha pelestarian syair dilakukan menerusi program televisyen 'Puisi Nusantara'. Justeru, objektif kajian ini ialah untuk mengetahui pengisian program berkaitan syair yang disiarkan untuk tontonan umum. Kajian ini menggunakan tiga kaedah penyelidikan. Pertama, menerusi pemerhatian peserta (*participant observation*) di lapangan. Penyelidik yang juga hos program 'Puisi Nusantara'

mengambil peluang mengumpul data sewaktu di lapangan. Kaedah kedua ialah temuduga. Penyelidik menghampiri beberapa orang tokoh dan pendendang syair dari Malaysia dan Indonesia untuk mendengar pengalaman mereka terlibat dalam usaha pelestarian syair. Kaedah ketiga ialah analisis teks dan audiovisual. Teks yang dirujuk ialah skrip yang disediakan oleh penulis skrip yang juga pengarah program, manakala audiovisual ialah rakaman video sewaktu di lapangan. Hasil kajian dibincangkan menerusi dua perkara. Pertama, pengenalan puisi tradisional syair dalam program 'Puisi Nusantara'. Kedua, elemen persembahan dendangan syair. Berdasarkan maklum balas yang diterima, program ini telah memberi impak yang baik kepada penonton meskipun terdapat beberapa kekurangan dalam pengisiannya. Penyelidik mencadangkan kekurangan ini boleh diatasi dalam kajian-kajian lanjut mengenai syair dan dalam bengkel pembelajaran syair.

Kata kunci: Syair, 'Puisi Nusantara', COVID-19, Puisi Melayu Tradisional, Seni Persembahan, Televisyen

Abstract

This study looks at the efforts of local production, Artwerk Production Sdn. Bhd to preserve *syair*, a traditional Malay poetry. This production has produced a programme named '*Puisi Nusantara*' that aired on a local television channel during the COVID-19 pandemic. Briefly, *syair* is a traditional Malay poetry that has long existed in the Malay world. With the development of technology, *syair* can be disseminated to the community widely. For the first time, *syair* was introduced to the public through a television programme. Thus, the objective of this study is to find out the content of *syair*-related programme that is broadcasted for public viewing. This study used three research methods. First, through participant observation. The researcher who also acted as a host of the programme took the opportunity to collect data for this study while in the field. The second method is by interviews. Several cultural figures and *syair* reciters from Malaysia and Indonesia have been interviewed to learn their experiences in the work of preserving *syair*. Third, analysis on texts and audiovisual. The texts involve scripts prepared by a scriptwriter who also acted as director of the programme, while audiovisual consists of video recordings. The results of the study are discussed in two points: introduction of *syair* as traditional Malay poetry and elements of *syair* performance. Based on the feedback received, the programme has had a good impact on the audience despite shortcomings in the filling of the programme. The researcher suggests these shortcomings can be overcome in future studies on *syair* and through *syair* learning workshops.

Keywords: *Syair*, 'Puisi Nusantara', COVID-19, Traditional Malay Poetry, Art Performance, Television

1.0 PENGENALAN

Wabak COVID-19 yang berasal dari Wuhan, China telah mempengaruhi kehidupan masyarakat seluruh dunia. Di Malaysia, pelbagai sektor sosial telah menerima kesan ekoran situasi pandemik yang belum pernah berlaku sebelum ini. Dalam sektor seni budaya, organisasi-organisasi yang berkaitan tidak terkecuali menerima impak daripada pandemik COVID-19.

Dalam kajian ini, tumpuan diberikan kepada usaha sebuah produksi seni iaitu Artwerk Production Sdn. Bhd. dalam kerja menerbitkan satu program berkonsepkan majalah televisyen iaitu 'Puisi Nusantara'. Program yang diarahkan oleh Roslan Madun ini melibatkan beberapa siri penggambaran yang bermula pada akhir bulan Disember 2019 hingga awal bulan Mac 2020. Kerja-kerja penggambaran walau bagaimanapun perlu ditangguhkan ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diumumkan oleh pihak kerajaan bermula pada 18 Mac 2020. Sesi penggambaran kemudian bersambung pada bulan Jun 2020 setelah sekatan pergerakan dilonggarkan. Penggambaran 'Puisi Nusantara' telah dijalankan di beberapa lokasi di Pahang, Melaka, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur dan Selangor.

Program 'Puisi Nusantara' mempunyai 13 episod yang mewakili tiga belas jenis puisi Melayu tradisional iaitu pantun, qasidah burdah, gurindam, bongai, nazam, pepatah, syair, mantera, badundang, teromba, rejang, seloka dan maulud jawi. Program ini disiarkan selama tiga belas minggu di saluran televisyen tempatan iaitu Berita RTM bermula Januari hingga Mac 2021. Episod syair telah disiarkan di saluran Berita RTM pada 12 Februari 2021 dan diulang tayang pada bulan April ketika umat Islam menyambut Ramadan.

Dalam artikel ini, penyelidik membincangkan mengenai isi kandungan program 'Puisi Nusantara' yang mengenengahkan syair. Tidak dinafikan, situasi pandemik telah memberi cabaran kepada Roslan Madun sebagai penulis skrip untuk menyediakan pengisian program 'Puisi Nusantara' untuk tontonan umum. Persoalan kajian ialah apakah pengisian program 'Puisi Nusantara' berkaitan syair dalam usaha melestarikan puisi tradisional di musim pandemik COVID-19?

Rasional kajian ini dilakukan adalah usaha melestarikan syair menerusi program televisyen belum pernah dilakukan sebelum ini. Menerusi Artwerk Production Sdn. Bhd., pelestarian syair dapat diperluaskan dalam kalangan masyarakat menerusi program 'Puisi Nusantara' yang disiarkan di saluran Berita RTM. Lebih menarik lagi, keseluruhan proses penggambaran dan siaran program diadakan pada musim pandemik COVID-19. Soalan lanjut yang menyoroti kajian ini ialah apakah situasi pandemik COVID-19 memberi impak kepada pengisian program?

2.0 METODOLOGI

i) Pemerhatian peserta (*participant observation*)

Kedudukan penyelidik dalam kajian ini ialah sebagai *participant-observer* yang mana penyelidik merupakan hos tetap dalam program 'Puisi Nusantara'. Keseluruhan data yang diperolehi dalam kajian ini merupakan hasil penglibatan penyelidik secara langsung di lapangan. Kajian lapangan telah bermula pada Disember 2019 hingga Mac 2020, kemudian bersambung pada Jun 2020. Penggambaran 'Puisi Nusantara' dilakukan di Kuantan Pahang, Nilai Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur.

ii) Temuduga

Ketika di lapangan, penyelidik telah mengadakan sesi temuduga bersama tokoh tetap dan tokoh jemputan. Sesi temuduga bersama tokoh tetap iaitu Roslan Madun telah diadakan di Muzium Etnografi, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Temubual bersama dua tokoh jemputan iaitu Puan Idawati dan Prof. Madya Dr. Norhayati Abd. Rahman masing-masing diadakan di Kuantan, Pahang dan di Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Bentuk-bentuk soalan yang diajukan adalah bebas; tokoh-tokoh digalakkan mendiskusikan mengenai syair sebagai puisi tradisional serta harapan mereka untuk syair di masa hadapan.

Temuduga turut dilakukan bersama pendendang-pendendang syair dari Malaysia dan Indonesia yang dijemput khas untuk mengadakan persembahan dendangan syair dalam program ini. Soalan-soalan yang diajukan adalah tidak berstruktur; setiap pendendang syair bebas untuk berkongsi pandangan serta pengalaman mereka dalam usaha pelestarian syair.

iii) Analisis data

Kajian ini menggunakan teks-teks bertulis dan rakaman audiovisual. Teks-teks bertulis melibatkan skrip yang digunakan sebagai panduan kepada hos program 'Puisi Nusantara'. Sumber audiovisual pula terdiri daripada video-video yang dirakam oleh individu-individu daripada kumpulan produksi ketika berada di lokasi penggambaran program ini.

3.0 KAJIAN LITERATUR

Syair merupakan satu daripada genre puisi Melayu tradisional yang cukup popular dan amat luas tersebar dalam masyarakat Melayu Nusantara (Mat Piah, 2016). Syair pada asasnya dianggap sebagai sastera bertulis, tidak seperti pantun sebagai puisi lisan. Wilayah kewujudannya melangkau hampir ke seluruh Nusantara, dari Aceh hingga Brunei Darussalam (Ariffin, 2016).

Perkataan syair berasal daripada perkataan Arab, iaitu *syi'r* yang secara umumnya membawa maksud puisi. Kebanyakan sarjana percaya bahawa syair Melayu telah dimulakan oleh Hamzah Fansuri yang hidup sekitar tahun 1560 hingga 1630 yang bermodelkan puisi sufi Arab-Parsi khususnya yang berbentuk *syi'r* dan *ruba'i* (Mat Piah, 2016).

Kajian tentang isi syair dan asal usul syair telah banyak dilakukan tetapi kajian terhadap irama dendangan syair masih kurang (Hassan, 2016). Silahudin (2021) telah menjalankan penelitian terhadap bentuk-bentuk lagu atau nyanyian Melayu menerusi teks-teks Melayu klasik dari abad ke-14 hingga abad ke-19. Menurut Nicolas (2017), pengarang-pengarang teks klasik menggunakan *musical reference* dan *musical imagery* untuk mewakili gambaran aktiviti muzik atau nyanyian dalam tempoh tersebut (Nicolas, 2017: 5). Dengan merujuk laman sesawang *Malay Concordance Project* (MCP) (<http://mcp.anu.edu.au>) Silahudin (2021) telah menemukan sebanyak lima belas bentuk lagu atau nyanyian dan salah satunya ialah syair.

Perkataan 'syair' ditemui dalam teks-teks Melayu klasik seawal abad ke-14 menerusi *Hikayat Bayan Budiman* pada (1371) dan *Hikayat Amir Hamzah* (<1380). Contoh petikan yang mengandungi perkataan 'syair' dalam *Hikayat Bayan Budiman* seperti berikut:

[S]erta diambilkan kertas yang tersurat beberapa syair dan gurindam, pantun dan seloka yang menyatakan berahinya akan Raja Harman Syah itu. (Bayan 149: 16)

Dalam *Hikayat Amir Hamzah*, perkataan syair ditemui dalam petikan berikut:

[M]aka Amirul Mukminin Abbas pun menceterakan kisah ini kepada segala sahabat Rasulullah seperti kata syair: Muhammad itu lebih daripada Kaf dan Nun. Bahawa apabila hari dukacita, bacalah hikayat ini, nescaya hilang dukacita itu. (AHmz xxx:1)

Menerusi *Hikayat Inderaputra* (<1600), ditemui petikan yang memberi kefahaman kepada penyelidik bahawa syair dipersembahkan dalam bentuk nyanyian seperti pantun dan seloka. Petikan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

[M]aka didengar oleh Inderaputra bunyi suara orang bernyanyi dan orang bersyair, dan suara orang bersyair dan suara orang bermadan dan berpantun dan berseloka. (Ind 60:9)

Silahudin (2021) turut meneliti dan menemukan perkataan syair dalam beberapa teks yang lain. Dalam teks *Sejarah Melayu* (~1612) dan *Hikayat Hang Tuah* (~1700) syair digambarkan sebagai satu bentuk seni persembahan. Petikan yang diambil daripada teks *Sejarah Melayu* adalah seperti berikut:

[M]aka bercaturlah Tun Bahara itu dengan orang Melaka.
Lawannya itu berlikir, ia tiada berlikir, pandang kiri,
pandang kanan, sambil ia bersyair, dan ber bait, dan
bergurindam, dan berseloka. (SM 144: 18)

Manakala, petikan daripada *Hikayat Hang Tuah* seperti di bawah:

[M]aka Tun Teja pun terlalu sukacita hatinya mendengar
pantun dan syair Tun Tuah itu, kerana Tun Teja tahu erti
pantun dan syair itu memberi jalan hati sabar. (Tuah 210:
7)

Dalam teks *Misa Melayu* (~1780), syair dikarang untuk golongan raja
atau pemerintah. Berikut ialah satu rangkap syair yang diambil daripada teks
Misa Melayu:

Tuanku raja sangat budiman,
Mengikut hadith menurut firman,
dikarangkan syair suatu zaman,
berangkat bermain sempurna iman.

Menerusi petikan-petikan di atas, syair secara ringkas merupakan satu
khazanah warisan budaya masyarakat Melayu sejak sekian lama. Pada hari
ini, syair semakin berkembang dalam kalangan masyarakat di Malaysia,
Indonesia, Singapura dan Brunei Darussalam. Ini dapat dilihat apabila
pendendang-pendendang syair dari negara-negara ini bergabung dalam
Konsert Syair Alam Melayu Nusantara pada tahun 2016. Pendedang yang
terlibat ialah Shafa'atussara Silahudin, Zafirah Bahiah Hassan, Nur Amelyana,

Rosmawani Ishak, Nur Amera Nabila dan Hazwan Haziq dari Malaysia; Musliha Wardana, Syaprizal, Juspebgo Setiawan dan Nelly Alie dari Indonesia; Afi Hanafi, Noor Hawadah Ramlie dan Suraya Masenbangi masing-masing dari Singapura, Brunei Darussalam dan Thailand (Mat Piah, 2016; Madun, 2016).

Pada tahun 2017, konsert syair diadakan di Medan, Indonesia dan Kuala Lumpur. Tanjungpinang di Kepulauan Riau menjadi tuan rumah untuk konsert syair pada tahun 2018 diikuti Kuantan, Pahang pada tahun 2019. Beberapa irama syair dipersembahkan. Irama syair dari Indonesia ialah Tukutur Balam, Rawi, Burung, Kepulauan Riau, Beghondak dan Siti Zubaidah versi Pekanbaru. Irama syair dari Brunei ialah Tambang Bengawan dan dari Malaysia, irama Sarawak, Hiasan, Batu Belah, Perindu, Selendang Delima dan Dodoi (Silahudin, 2021).

Selain konsert syair, kesenian bersyair dapat dilihat menerusi majlis santapan DiRaja, majlis-majlis ilmu keagamaan/ritual, kegiatan adat istiadat dan majlis perkahwinan (Silahudin, 2020). Sejak tahun 2009, pertandingan dendang syair pelbagai peringkat dianjurkan sebagai acara tahunan untuk menarik minat golongan muda. Dewan Bahasa dan Pustaka berperanan dalam menganjurkan pertandingan dendang syair setiap tahun yang disertai oleh pelajar sekolah rendah dan menengah.

Menurut Gunderson (2003) menerusi kajiannya ke atas tradisi muzik global, pertandingan muzik (nyanyian atau alat muzik) berfungsi dalam memperkukuh amalan seni budaya hingga dapat memantapkan identiti masyarakat pendukungnya. Selaras dengan pandangan tersebut, acara tertinggi berkaitan syair iaitu pertandingan dendang syair antarabangsa yang pertama telah dianjurkan pada tahun 2018 di Tanjungpinang, Kepulauan Riau,

Indonesia. Ini disusuli penganjuran kedua pada tahun 2019 di Kuantan, Pahang. Pertandingan dendang syair antarabangsa telah disertai oleh pendendang-pendendang syair dari Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura dan Thailand.

Pada tahun 2020, pertandingan dendang syair antarabangsa hanya dapat diadakan secara dalam talian ekoran wabak COVID-19. Syarat pertandingan ini ialah para peserta perlu menghasilkan video dendangan syair masing-masing kemudian menghantar video kepada penganjur untuk dinilai oleh pihak juri pertandingan. Tidak seperti pertandingan secara bersemuka pada tahun 2018 dan 2019, penganjuran pertandingan dalam talian pada tahun 2020 melalui beberapa perubahan ketara bersesuaian dengan konsep pertandingan dendangan syair dalam talian yang secara tidak langsung mempengaruhi nilai estetika dalam dendangan syair. Perkataan estetika menurut Idawati (2016) dimaksudnya sebagai suatu keindahan yang memiliki makna yang beragam.

Usaha-usaha pelestarian puisi syair terus dipergiat oleh pengamal-pengamal syair menerusi pelbagai cara (Mat Piah, 2016; Madun, 2017, 2020; Idawati, 2017; Silahudin, 2017, 2020, 2021; Abdullah, 2016). Terinspirasi daripada tulisan-tulisan mengenai usaha pelestarian dan penyelidikan mengenai syair, penyelidik mengambil pendekatan untuk melihat usaha produksi tempatan dalam melestarikan syair secara komersial iaitu dalam konteks ini, menerusi program 'Puisi Nusantara' untuk disiarkan dalam saluran televisyen tempatan. Lebih menarik lagi, program 'Puisi Nusantara' telah disiarkan di saluran Berita RTM pada ketika negara dan dunia menghadapi situasi pandemik COVID-19.

4.0 HASIL PENELITIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil daripada kajian ini, dua perkara utama dibincangkan secara lanjut. Pertama, pengenalan syair bagi tontonan umum di televisyen. Kedua, elemen persembahan dendangan syair.

i) Pengenalan puisi tradisional syair dalam program 'Puisi Nusantara'

Syair, seperti yang dijelaskan dalam program 'Puisi Nusantara' merupakan puisi warisan atau puisi tradisional. Sebagai perbandingan, di Indonesia syair disebut sebagai puisi lama. Syair dikatakan berasal dari Arab-Parsi yang dibawa oleh pedagang-pedagang Arab ke wilayah Melayu di Nusantara. Beberapa contoh teks syair diterangkan dalam program ini Antara syair terawal yang popular ialah Syair Perahu karangan Hamzah Fansuri, seorang cendekiawan dan ahli sufi dari abad ke-16. Hamzah Fansuri dilahirkan di Fansur, Sumatera Utara. Hamzah Fansuri telah memperkenalkan syair dalam dunia Melayu menerusi tulisan-tulisannya. Teks-teks syair Hamzah Fansuri mengandungi unsur-unsur nasihat sebagai panduan kepada masyarakat serta mengembangkan ajaran agama Islam.

Ciri-ciri syair turut dijelaskan kepada penonton. Syair Melayu mempunyai empat baris dalam satu rangkap menyamai dengan pantun. Syair tidak mempunyai pembayang maksud. Hal yang demikian ini kerana setiap baris adalah maksud. Syair mempunyai rima hujung yang sama. Bagi menjelaskan ciri-ciri syair, satu rangkap syair dibacakan sebagai rujukan kepada penonton seperti berikut:

Sekian dulu hamba berper,

mohon ampun sepuluh jari,
mana yang khilaf kebenaran dicari,
tiadalah musykil kemudian hari.

Puisi syair tidak boleh berdiri dengan sendiri. Tidak seperti pantun, syair mempunyai beberapa rangkap untuk melengkapkan sebuah penceritaan. Contoh yang diberikan ialah teks Syair Siti Zubaidah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Buku tersebut mempunyai 475 halaman. Teks Syair Rakis dari Brunei dan Syair Madi dari Indonesia masing-masing mempunyai 100 dan 244 halaman. Teks-teks syair klasik ini adalah daripada abad ke-19.

Namun pada hari ini, terdapat pendekatan yang diambil oleh pengarang-pengarang syair untuk menghasilkan syair pendek yang dikenali sebagai syapen (syair pendek). Syapen mempunyai sekitar 30 rangkap syair. Meskipun begitu, tertib dalam menulis syair masih dikekalkan yang mana setiap syair mestilah dimulakan dengan 'Bismillah' atau dengan menyebut nama Allah. Contoh rangkap syair disampaikan dengan irama Sarawak:

Bermula syair dengan Bismillah,
mohon petunjuk daripada Allah,
moga tiada silap dan salah,
syair berangkap 30 jumlah.

Dalam mengarang syair, disudahi dengan menyebut nama Allah dan permohonan maaf oleh pengarang. Dalam irama yang sama, satu rangkap syair disampaikan seperti berikut:

Sekian dulu hamba berperai,

mohon ampun sepuluh jari,
segala yang khilaf kebenaran dicari,
tiadalah musykil kemudian hari.

Terdapat teks-teks syair berunsurkan percintaan dan cerita-cerita dongeng yang mempunyai nilai sastera yang tinggi menerusi penggunaan perkataan atau metafora yang kini tidak lagi ditutur dalam kehidupan pada hari ini.

Terdapat lebih daripada empat puluh buah irama syair yang ditemui oleh Roslan Madun sewaktu pengembaraannya di beberapa lokasi di Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam. Irama syair yang terkenal ialah irama Selendang Delima yang boleh didapati di semua tempat yang pernah beliau kunjungi. Irama syair di Brunei dikenali sebagai Berunggai Lanjar, Separas dan Siti Zubaidah versi Brunei. Di Pekanbaru Riau, ada irama syair yang dinamakan sebagai Malalak, Perang dan Siti Zubaidah versi Pekanbaru. Di Malaysia, Roslan Madun memperoleh irama Batu Belah daripada Md. Ali Bachik di Melaka dan irama Mayang daripada Tuan Guru Ali Badron dari Batu Pahat, Johor. Dengan kepelbagaian irama syair yang ditemui, tidak dinafikan bahawa syair memainkan peranan penting sebagai sumber hiburan kepada masyarakat.

Syair turut dijelaskan kepada penonton sebagai medium sejarah. Sastera sejarah disampaikan dalam dua bentuk iaitu bentuk prosa seperti Sejarah Melayu dan bentuk syair. Menerusi syair, kisah-kisah sejarah dapat didokumentasikan. Contohnya, Syair Kampung Gelam Terbakar, Syair Perang Mengkasar, Syair Perang Siak dan Syair Musuh Kelantan. Menerusi teks syair,

peristiwa-peristiwa sejarah dapat didokumentasikan dan dapat diwariskan kepada generasi masa hadapan.

Program ini juga menganjurkan bahawa generasi pada hari ini perlu diperkenalkan dengan puisi syair menerusi pengajaran atau bengkel syair. Ini bagi memastikan syair sebagai satu bentuk puisi tradisional dapat diterima baik. Generasi muda digalakkan untuk mengamalkan puisi syair dalam bentuk persembahan yang menarik dan kreatif.

Secara ringkas, pengenalan syair dalam program 'Puisi Nusantara' meliputi beberapa perkara. Ini termasuklah pengenalan kepada ciri-ciri syair dan tokoh yang memperkenalkan puisi syair di dunia Melayu iaitu Hamzah Fansuri. Penonton turut diperjelaskan mengenai fungsi atau peranan syair dalam masyarakat serta pengenalan beberapa irama syair yang terdapat di Nusantara. Beberapa rangkap teks syair turut didendangkan sebagai elemen seni yang dapat menarik minat penonton. Bahagian selanjutnya dibincangkan pula mengenai elemen persembahan dendangan syair yang dipaparkan dalam program 'Puisi Nusantara'.

ii) Elemen persembahan dendangan syair

Pada era kini, syair lebih mudah disebarluaskan dalam bentuk digital. Persembahan syair perlu disesuaikan mengikut citarasa anak muda. Usaha-usaha menginovasikan persembahan syair amat digalakkan dalam menampilkan persembahan baharu namun tidak meninggalkan sepenuhnya elemen konvensional. Elemen konvensional bermaksud cara dendangan yang memiliki ornamentasi atau lengkok suara Melayu. Ini dapat dilihat dalam

persembahan dendangan syair yang dipaparkan dalam program 'Puisi Nusantara'.

Elemen keMelayuan pada ornamentasi/lenggok suara merupakan cabang seni tradisi Melayu yang memiliki falsafah dan nilai-nilai kebaikan (Silahudin, 2012, 2021; Idawati, 2017). Bagi tujuan memperlihatkan keindahan yang dimaksudkan, program 'Puisi Nusantara' menyajikan tiga persembahan dendangan syair. Persembahan pertama disampaikan oleh Shafa'atussara Silahudin yang disiarkan di awal program. Rakaman dendangan syair oleh Shafa'atussara telah diadakan di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Shafa'atussara yang juga merupakan juara dendang syair antarabangsa 2019 mendendangkan teks Syair Perahu karangan Hamzah Fansuri. Teks Syair Perahu didendangkan dengan irama Rawi yang berasal dari kota Dumai, Indonesia diiringi oleh empat pemuzik jemputan. Empat jenis alat muzik digunakan dalam persembahan ini iaitu akordion, gitar, rebana dan seruling. Berikut disertakan empat rangkap syair daripada teks Syair Perahu.

Inilah gerangan suatu madah,
mengarangkan syair terlalu indah,
membetuli jalan tempat berpindah,
di sanalah iktikad diperbetuli sudah.

Wahai muda kenali dirimu,
ialah perahu tamsil tubuhmu,
tidak berapa lama hidupmu,
di akhirat jua kekal diammu.

Wahai muda arif budiman,
hasilkan kemudi dengan pedoman,
alat perahumu jua kerjakan,
itulah jalan membetuli insan.

Perteguh juga alat perahumu,
hasilkan bekal air dan kayu,
dayung pengayuh taruh di situ,
supaya laju perahumu itu.

Persembahan dendangan syair kedua dalam program ini dijayakan pendendang syair Nur Amelyana. Bakat beliau digilap menerusi pertandingan puisi warisan (kategori nazam) pada tahun 2012 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka. Dinobatkan sebagai naib juara pertandingan kategori nazam, Nur Amelyana yang kini bertugas sebagai guru terus aktif membuat persembahan puisi tradisional di Malaysia. Penampilan Nur Amelyana dalam program 'Puisi Nusantara' adalah tepat lantaran beliau sering menjayakan program-program pelestarian syair dan bentuk puisi warisan yang lain anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka dan beberapa agensi lain.

Sebagai tontonan umum, dalam program ini Nur Amelyana mendendangkan teks Syair Burung Pungguk yang dikarang oleh Hamzah Fansuri menggunakan irama Sarawak. Rakaman dendangan syair Nur Amelyana dilakukan di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Persembahan dendangan syair Nur Amelyana diiringi oleh empat pemuzik (Gambar 1).



Gambar 1: Persembahan Nur Amelyana diiringi kumpulan muzik

Sebanyak empat rangkap syair daripada teks Burung Pungguk didendangkan. Berikut disertakan rangkap-rangkap syair.

Pungguk bercinta pagi dan petang,
melihat bulan di pagar bintang,
terselap rindu dendam pun datang,
dari saujana pungguk menentang.

Pungguk menentang dari saujana,
di dalam hati gundah gulana,
dikalau ditolong tuhan yang gana,
makanya pungguk boleh ke sana.

Di atas beraksa berapa lama,

gilakan cahaya bulan purnama,
jikalau bulan jatuh ke mana,
dimanakan pungguh dapat bersama.

Bulan purnama cahayanya terang,
bintang seperti intan dikarang,
rawannya pungguk bukan sembarang,
berahikan bulan di tanah seberang.

Kedua-dua teks syair karangan Hamzah Fansuri iaitu Syair Perahu dan Syair Burung Pungguk telah digunakan dalam pertandingan dendang syair pelbagai peringkat anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka. Selain diguna pakai dalam pertandingan, karya-karya Hamzah Fansuri juga dijadikan sebagai rujukan dalam bengkel penulisan syair. Irama Rawi dan Sarawak merupakan antara irama syair yang digemari oleh peminat-peminat syair di Malaysia dan Indonesia. Kedua-dua irama ini pernah dipersembahkan dalam konsert syair alam Melayu Nusantara pada tahun 2016.

Persembahan dendang syair ketiga dalam program ini telah menampilkan juara pertandingan dendang syair antarabangsa 2018 iaitu Fauziah Mahrani. Penampilan Fauziah memberi seri dan kelebihan kepada program ini. Diterbangkan dari Siak, Indonesia, Fauziah telah mendendangkan teks Syair Perpaduan karangan Roslan Madun. Teks syair ini merupakan contoh syair pendek (syapen). Syapen telah diperkenalkan oleh Roslan Madun di Malaysia.

Fauziah mendendangkan teks Syair Perpaduan menggunakan irama Malalak yang berasal dari Pekanbaru, Riau, Indonesia. Rakaman persembahan Fauziah telah diadakan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nilai, Negeri Sembilan. Sebagai menjadikan persembahan bercita rasa baharu, dendangan syair Fauziah diiringi oleh seorang pemain piano. Berikut ialah enam rangkap Syair Perpaduan yang dipersembahkan oleh Fauziah:

Dengarlah ini hamba berpesan,
syair perpaduan hamba karangkan,
sayangilah tuan padanya watan,
jauhi sengketa dan perbalahan.

Negara kita aman sentosa,
hidup harmoni sekian lama,
janganlah kita buat huru hara,
anak cucu akan merana.

Banyak negara yang telah musnah,
bila sengketa tak ada penyudah,
konsep perpaduan tidak diendah,
rakyat sengsara berpecah belah.

Negara kita berbilang bangsa,
jagalah jangan porak peranda,
hormat menghormati sesama kita,

pahit dan manis sama merasa.

mari kekalkan semangat perpaduan,
selisih faham kita elakkan,
berkorban demi bangsa dan watan,
barulah hidup bahagia dan aman.

Titahnya Raja kita patuhi,
jangan derhaka jangan engkari,
nantinya roboh negeri sendiri,
ke mana hendak membawa diri.

Terdahulu, teks Syair Perpaduan pernah dirakam dalam album Puisi Tradisional pada tahun 2013 dendangan Shafa'atussara Silahudin dengan menggunakan irama Sarawak. Album tersebut telah dijadikan sumber rujukan oleh pelatih-pelatih seni budaya dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Ini jelas menunjukkan kepada penonton bahawa teks-teks syair boleh didendangkan dengan pelbagai irama.

Secara ringkas, tiga irama iaitu Rawi, Sarawak dan Malalak telah diperkenalkan kepada penonton. Dua buah teks syair karangan Hamzah Fansuri dari abad ke-16 telah didendangkan. Untuk memberikan kelainan dalam persembahan, sebuah teks syair baharu yang diistilahkan sebagai syair pendek (syapen) turut didendangkan. Pihak produksi mengambil pendekatan dengan menyajikan persembahan dendangan syair yang bervariasi mampu menarik minat penonton untuk mengikuti program ini.

5.0 KESIMPULAN

Kajian ini telah melihat usaha pelestarian syair menerusi program berbentuk majalah TV iaitu 'Puisi Nusantara' terbitan produksi tempatan iaitu Artwerk Production Sdn. Bhd. Usaha pelestarian puisi tradisional syair telah memberi cabaran kepada produksi Artwerk Production Sdn. Bhd. apabila perlu menyediakan pengisian program 'Puisi Nusantara' di musim pandemik COVID-19.

Dalam pada cabaran menyediakan kandungan program, pihak produksi berpandangan bahawa pelestarian syair menerusi program televisyen di musim pandemik adalah peluang terbaik. Masyarakat pada waktu ini tidak dapat ke mana-mana dan perlu berada di kediaman masing-masing. Bagi mengurangkan rasa kegelisahan, mereka banyak menghabiskan waktu dengan menonton program-program yang disiarkan di televisyen dan aktif di media sosial selain melakukan tugas kerja dari rumah.

Pihak produksi telah berusaha menyediakan pengisian program yang difikirkan sesuai dalam tempoh yang singkat. Daripada maklumat yang diterima daripada pihak Berita RTM, program 'Puisi Nusantara' telah menerima jumlah tontonan yang tinggi. Ini menunjukkan usaha pelestarian syair melalui program televisyen memberi impak kepada masyarakat. Antara faktor yang menyumbang kepada jumlah penonton yang tinggi adalah program ini disiarkan dalam tempoh perintah kawalan pergerakan di mana masyarakat perlu berada di tempat masing-masing.

Menerusi program 'Puisi Nusantara', pengenalan mengenai puisi syair telah dapat disebarluaskan kepada masyarakat. Sebelum ini, pengenalan

mengenai syair adalah terhad di sekolah-sekolah sebagai subjek kecil dalam pengajaran bahasa atau sastera. Penyelidik telah menerima maklum balas positif daripada penonton- penonton yang mana sebahagian daripada mereka menggelarkan diri sebagai peminat 'Puisi Nusantara'. Malah, ada individu-individu merakam program tersebut sebagai rujukan peribadi. Ini adalah antara impak positif hasil daripada siaran program 'Puisi Nusantara' di televisyen.

Meskipun begitu, sebagai individu yang terlibat secara langsung dalam bidang syair di Malaysia, penyelidik merasakan 'Puisi Nusantara' bagi episod syair memiliki kekurangan daripada segi pengisian program yang dipaparkan. Sebagai contoh, program ini tidak menyentuh perkara-perkara penting seperti kepengarangan syair dan sejarah asal-usul irama syair. Menjadi satu kelebihan menurut penyelidik, sekiranya segmen pembelajaran dendangan syair dimasukkan dalam program ini – bagaimana syair didendangkan dan dipersembahkan. Dengan ada segmen pembelajaran dendangan syair, program ini menjadi lebih menarik.

Penyelidik yang juga hos program ini merasakan situasi pandemi COVID-19 sedikit sebanyak telah mempengaruhi pengisian program yang disajikan kepada penonton. Proses penghasilan program ini hanya dapat dilakukan dalam tempoh waktu yang singkat disebabkan oleh sekatan pergerakan yang diumumkan oleh pihak kerajaan bagi membendung penularan wabak. Meskipun begitu, pernyataan penyelidik ini terbuka untuk dibahaskan dalam konteks pengisian program televisyen di musim pandemik.

Dapatan yang diperolehi dalam kajian ini diharap dapat memberi panduan untuk kajian-kajian selanjutnya yang terkait dengan topik pelestarian

Shafa'Atussara Silahudin, "Pelestarian Syair Menerusi Program Televisyen
'Puisi Nusantara' Di Musim Pandemi Covid-19" JMS Vol. 4 Issue 1 (2021):
148 – 172

syair. Kekurangan yang ada dalam pengisian program boleh ditampung menerusi kajian lanjut dan menerusi bengkel-bengkel pembelajaran syair.

RUJUKAN

- Abdullah, F. (2016). Pembedaan irama syair dalam kalangan guru-guru Bahasa Melayu di Malaysia. Dalam Roslan Madun (Ed.) Syair alam Melayu Nusantara (pp. 113-130). Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Ariffin, Z. (2016). Syair sebagai warisan kesusasteraan dan kesenian Melayu. Dalam Roslan Madun (Ed.) Syair alam Melayu Nusantara (pp. vii-ix). Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Gunderson, F. (2003). Preface. *World of Music*, 45(1), 7-10.
- Hassan, Z. (2016). Perjalanan melestari syair dari aspek isi dan melodi. Dalam Roslan Madun (Ed.) Syair alam Melayu Nusantara (pp. 63-74). Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Idawati (2016). Irama syair Melayu Riau: sebuah tinjauan estetika. Dalam Roslan Madun (Ed.) Syair alam Melayu Nusantara (pp. 101-112). Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Idawati (2017). Peranan syair dalam mengukuhkan identiti suatu bangsa. Dalam Mohamad Saleeh Rahamad, Rozlan Mohamed Noor dan Roslan Madun (Eds.) Perjuangan bangsa dalam puisi dan syair Asean (pp. 77-86). Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Madun, R. (2016). Kembara seni: satu kesan emosi. Dalam Roslan Madun (Ed.) Syair alam Melayu Nusantara (pp. xii-xvii). Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Madun, R. (2017). Kembara syair alam Melayu Nusantara untuk melestarikan pusaka warisan bangsa. Dalam Mohamad Saleeh Rahamad, Rozlan Mohamed Noor dan Roslan Madun (Eds.) Perjuangan bangsa dalam puisi dan syair Asean (pp. 155-166). Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.

Shafa'Atussara Silahudin, "Pelestarian Syair Menerusi Program Televisyen 'Puisi Nusantara' Di Musim Pandemi Covid-19" JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 148 – 172

Madun, R. (2020). Menelusuri irama syair di Nusantara. Dalam Dewan Sastera 3: 8-12.

Mat Piah, H. (2016). Syair alam Melayu Nusantara: gagasan dan cabaran. Dalam Roslan Madun (Ed.) Syair alam Melayu Nusantara (pp. 47-60). Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.

Nicolas, A. (2017). 'Musical terms in Malay classical literature: the early period (14th – 17th century)', *Nalanda-Sriwijaya Centre Working Paper 24*.

Silahudin, S. (2012). Nyanyian Melayu asli: kajian seni kata pantun dan teknik nyanyian. (Disertasi Sarjana). Universiti Malaya.

Silahudin, S. (2017). Syair dalam medium persembahan: pengalaman peribadi. Dalam Mohamad Saleeh Rahamad, Rozlan Mohamed Noor dan Roslan Madun (Eds.) Perjuangan bangsa dalam puisi dan syair Asean (pp. 167-176). Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.

Silahudin, S. (2020). Dendangan syair citra Nusantara. Dalam Dewan Sastera 3: 13-17.

Silahudin, S. (2021). Malay singing in Pahang villages: identity and practice. (Disertasi PhD). Leiden University.